



REDAH....penunggang motosikal sanggup meredah banjir yang berlaku di Kampung Lubok China, pagi semalam.

Tengkujuh bertandang

Tak sangka boleh banjir

>>Oleh Sitie Nurhajatulziah Mohd Nor

am@hmetro.com.my

REMBAU: "Sebaik melihat air mencurah masuk ke dalam rumah saya memanggil suami dan anak segera keluar kerana air begitu deras dan sekelip mata sudah berada di paras pinggang. Lebih membimbangkan jika terjadi sesuatu terhadap kandungan saya yang kini sudah memasuki enam bulan," kata Noraini Ibrahim, 31.

Menurutnya, rumahnya di Kampung Simen, Lubok Cina, dekat sini, dinaiki air kira-kira jam 9 malam, kelmarin.

Noraini berkata, dia tidak menyangka menjadi mangsa banjir memandangkan hujan lebat hanya waktu pagi, namun kira-kira jam 8 malam dapur mula dipenuhi air dan sekelip mata seluruh bahagian dalam rumah ditenggelami air.

"Kali terakhir saya menghadapi kejadian banjir, dua tahun lalu dan ketika itu sedang mengandungkan anak kedua iaitu Nor Amani Saleha Mohd Najib yang kini berusia setahun lapan bulan.

"Kini situasi sama berulang apabila mengandungkan anak ketiga, saya perlu meredah banjir bagi menye-

lamatkan diri dan kandungan," katanya, ketika ditemui di Pusat Pemindahan Mangsa Banjir di Balai raya Kampung Lubok China, pagi semalam.

Seorang lagi mangsa, Che Yah Sulong, 76, berkata, dia yang tinggal seorang diri sejak kematian suami setahun lalu sudah lali dengan kejadian banjir di kawasan rumahnya sejak lebih 10 tahun lalu.

"Ketika berada di ruang tamu, saya sempat menjejak ke luar tingkap dan mendapati air sudah mula naik memenuhi jalan. Saya

sudah mengagak rumah akan dinaiki air dan terus mengambil dokumen penting.

"Selang beberapa minit, anak jiran memanggil dan memapah keluar saya untuk berpindah ke pusat pemindahan ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Banjir Daerah Rembau, Mohd Rawi Baharom, berkata buat masa ini hanya tujuh keluarga terjejas banjir dan dua pusat pemindahan dibuka iaitu Balairaya Kampung Lubok Cina dan Surau Kampung Nerembai.

Lepasi had bahaya

KUALA LUMPUR: Paras air Sungai Rembau di Titian Bintangor, Negeri Sembilan serta Sungai Padas di Beaufort, Sabah melebihi had bahaya pada 4 petang semalam menyebabkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menasihati penduduk di kawasan sekitar supaya berwaspada.

Menurut portal Info Banjir JPS, air Sungai Rembau dan Sungai Padas melebihi paras bahaya iaitu masing-masing 6.44 meter dan 8.18 meter.

Sementara itu, jumlah hujan lebat di Serian, Sarawak juga melebihi paras amaran iaitu sebanyak 32 milimeter, menurut portal tersebut.

Dalam pada itu, portal banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN) menyebut jumlah mangsa yang dipindahkan di Melaka sehingga petang ini meningkat kepada 372 berbanding 343 pagi tadi, manakala di Selangor, jumlahnya kekal 92 orang di Kuala Langat. - Bernama